



## KENYATAAN MEDIA

### SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

**LAPORAN SIASATAN EAIC  
MENGENAI KELULUSAN PEMBAHARUAN PAS OLEH PEGAWAI  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
TANPA MENGIKUTI PERATURAN YANG DITETAPKAN**

**UNTUK SIARAN SEGERA  
4 SEPTEMBER 2025**

EAIC telah menerima aduan berhubung tindakan seorang pegawai imigresen di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Cawangan Kluang, Johor, yang didakwa meluluskan pembaharuan pas bagi isteri pengadu, seorang bukan warganegara, tanpa pengetahuan serta kebenaran suaminya yang merupakan warganegara Malaysia. Siasatan berhubung perkara ini dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4), Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

#### **HASIL SIASATAN**

Siasatan mendapati pegawai imigresen yang bertugas di kaunter telah gagal mengesahkan kehadiran pasangan pemohon yang berwarganegara Malaysia. Sebaliknya, pegawai berkenaan telah membuat catatan minit yang tidak tepat berhubung kehadiran pasangan tersebut, sehingga menyebabkan permohonan pas berkenaan diluluskan tanpa mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JIM dengan syor hukuman tatatertib terhadap pegawai terbabit di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993], atas kesalahan cuai dalam melaksanakan tugas sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(j) peraturan yang sama.

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**